

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**
DARIPADA : **DATO' SRI ABDUL MANAN BIN ISMAIL**
KAWASAN : **PAYA BESAR**
TARIKH : **-**
NO. SOALAN : **6 (PR-1352-T00578)**

SOALAN

Dato' Sri Abdul Manan Bin Ismail [Paya Besar] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan jumlah perdagangan eksport dan import Malaysia bagi tahun 2015, 2016 dan tujuh bulan pertama 2017 dan berapa jumlah dagangan Malaysia di bawah Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia telah mencatatkan peningkatan jumlah dagangan yang positif pada tahun 2015, 2016 dan lima bulan pertama 2017 (Januari-Mei merupakan rekod terkini bagi tahun 2017).

Pada tahun 2015, jumlah perdagangan Malaysia mencatat RM1,463.13 bilion, dengan peningkatan sebanyak 1.0% dari tahun 2014. Jumlah eksport menyumbang nilai sebanyak RM777.36 bilion dengan

pertumbuhan sebanyak 1.6%, manakala jumlah import adalah sebanyak RM685.78 billion dengan pertumbuhan sebanyak 0.4% berbanding tahun 2014.

Pada tahun 2016, jumlah perdagangan mencatat peningkatan sebanyak 1.5% kepada RM1,484.6 billion. Daripada jumlah ini, eksport bertambah sebanyak 1.1% kepada RM785.93 billion manakala jumlah import meningkat sebanyak 1.9% kepada RM698.66 bilion.

Bagi tempoh Januari hingga Mei 2017, jumlah perdagangan mencatatkan nilai RM722.89 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 25.4% daripada nilai RM576.62 bilion untuk tempoh yang sama bagi tahun 2016. Jumlah eksport meningkat sebanyak 23.3% kepada RM377.96 bilion manakala jumlah import meningkat sebanyak 27.7% kepada RM344.93 bilion.

Jadual 1: Jumlah Dagangan Malaysia pada tahun 2015, 2016 dan Januari hingga Mei 2017

Tahun	Eksport (RM bilion)	Import (RM bilion)	Jumlah dagangan (RM bilion)	Pertumbuhan Jumlah Dagangan	Lebihan Dagangan (RM bilion)
2015	777.36	685.78	1,463.13	1.0%	91.58
2016	785.93	698.66	1,484.60	1.5%	87.27
Jan-Mei 2016	306.45	270.17	576.62	0.8	36.27
Jan-Mei 2017	377.96	344.93	722.89	25.5%	33.02

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sehingga kini, Malaysia terlibat dalam 7 Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dua hala seperti berikut:

- (i) Malaysia-Japan Economic Partnership Agreement (MJEPA);
- (ii) Malaysia-Pakistan Closer Economic Partnership Agreement (MPCEPA);
- (iii) Malaysia-New Zealand Free Trade Agreement (MNZFTA);
- (iv) Malaysia-India Comprehensive Economic Cooperation Agreement (MICECA);
- (v) Malaysia-Chile Free Trade Agreement (MCFTA);
- (vi) Malaysia-Australia Free Trade Agreement (MAFTA); dan
- (vii) Malaysia-Turkey Free Trade Agreement (MTFTA).

Manakala di bawah Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN), Malaysia terlibat dalam 6 FTA seperti berikut:

- (i) ASEAN-China Free Trade Agreement (ACFTA);
- (ii) ASEAN-Korea Free Trade Agreement (AKFTA);
- (iii) ASEAN-Japan Comprehensive Economic Partnership (AJCEP);
- (iv) ASEAN-Australia-New Zealand Free Trade Agreement (AANZFTA);
- (v) ASEAN-India Free Trade Agreement (AIFTA); dan
- (vi) ASEAN Trade In Goods Agreement (ATIGA).

Pada tahun 2015, jumlah perdagangan yang direkodkan di bawah FTA ialah sebanyak RM925.99 bilion. Jumlah eksport ke negara-negara FTA telah dijana sebanyak RM490.35 bilion, iaitu penurunan sebanyak 0.6% berbanding pada tahun 2014. Bagi import pula, sebanyak RM435.39

bilion telah dicatatkan dengan pertambahan sebanyak 4.6% berbanding tahun 2014.

Bagi tahun 2016, jumlah dagangan Malaysia bersama negara-negara FTA ialah sebanyak RM935.33 bilion. Eksport dan import masing-masing merekodkan jumlah sebanyak RM490.05 bilion (penurunan sebanyak 0.1%) dan RM445.28 bilion (berkembang sebanyak 2.3%) berbanding tahun sebelumnya.

Seterusnya bagi tempoh Januari sehingga Mei 2017, eksport dan import dengan negara-negara di bawah FTA masing-masing merekodkan pertumbuhan yang positif iaitu sebanyak 26.5% dan 27.4% kepada RM239.62 bilion dan RM216.94 bilion berbanding dengan tempoh Januari sehingga Mei 2016.

Jadual 2: Jumlah Dagangan Malaysia di bawah Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) pada tahun 2015, 2016 dan Januari-Mei 2017.

Tahun	Eksport (RM bilion)	Import (RM bilion)	Jumlah Dagangan (RM bilion)	Pertumbuhan Jumlah Dagangan	Lebih Dagangan (RM bilion)
2015	490.60	435.39	925.99	1.8%	55.21
2016	490.05	445.28	935.33	1%	44.77
Jan-Mei 2016	189.46	170.26	359.72	-0.6%	19.20
Jan-Mei 2017	239.62	216.94	456.55	26.9%	22.68

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sekian, terima kasih.

RT02/07

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH
BIN HAJI MOHD FAKEH
[SABAK BERNAM]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dato' Haji Mohd Fasih Bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan kes buli dan gengsterisme di kalangan pelajar-pelajar sekolah (rendah dan menengah) bagi tempoh 3 tahun ini 2015-2017 terkini dan setakat manakah keseriusan budaya buli dan gengsterisme di kalangan pelajar-pelajar sekolah masa kini serta apakah langkah Kerajaan bagi membendung gejala buli dan gengsterisme di kalangan pelajar ini dari terus mempengaruhi pelajar.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Jumlah murid terlibat dalam salah laku buli yang direkodkan dalam Sistem Sahsiah Diri Murid bagi tahun 2015 hingga 2017 adalah terkawal dengan trend yang menurun. Dalam tempoh Januari hingga Jun 2017, sebanyak 0.02 peratus murid terlibat dalam gejala tersebut.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memandang serius dan mengambil langkah proaktif dalam membendung gejala buli melibatkan murid di sekolah. Antara langkah yang diambil adalah usaha pencegahan, pemulihan, menjalin kerjasama dengan pelbagai pihak luar sekolah seperti mengadakan kerjasama dengan Polis di-Raja Malaysia dan mengadakan *engagement* berterusan bersama-sama PIBG, NGO dan Agensi Luar .

RT02/07

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL MANAN BIN ISMAIL
[PAYA BESAR]**

SOALAN : 8

Dato' Sri Abdul Manan Bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah pemandu mengikut negeri yang dikenakan tindakan mengikut Sistem Keselamatan Kesedaran Automatik (AWAS) dan Sistem Pemberian Mata Demerit Kesalahan Jalan Raya (Kejara) yang berkuatkuasa 15 April 2017 lalu.

JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

Jumlah pemandu mengikut negeri yang dikenakan tindakan mengikut Sistem Keselamatan Kesedaran Automatik (AwAS) dan Sistem Pemberian Mata Demerit Kesalahan Jalan Raya (Kejara) yang berkuat kuasa 15 April 2017 lalu sehingga 30 Julai 2017 adalah seperti berikut :

NEGERI	BILANGAN SAMAN
JOHOR	8,220
PUTRAJAYA	14,769
KELANTAN	2,232
PERAK	75,405
TERENGGANU	8,905
SELANGOR	38,850
KUALA LUMPUR	12,540
KEDAH	9,224
JUMLAH	170,145

Berkenaan mata demerit , ianya akan diberikan apabila orang kena saman (OKS) telah menjelaskan saman atau didapati bersalah oleh mahkamah. Sehingga 30 Julai 2017, pemandu yang telah dikenakan mata demerit adalah sebanyak 9,593 orang.

SOALAN (9)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YBDATO' SRI ABDUL MANAN BIN ISMAIL
[PAYA BESAR]

SOALAN :

YB DATO' SRI ABDUL MANAN BIN ISMAIL [PAYA BESAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan faktor-faktor yang menyumbangkan peningkatan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara yang berkembang sebanyak 5.6 peratus serta Malaysia yang terus mencatatkan lebih perdagangan sebanyak RM18.9 bilion.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada suku pertama 2017 (S1 2017), Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara merekodkan peningkatan sebanyak 5.6 peratus iaitu kadar pertumbuhan tertinggi semenjak suku kedua 2015. Pencapaian ini mengatasi jangkaan penganalisa ekonomi antarabangsa seperti Moody's (5.1 peratus), IHS (4.0 peratus), HSBC (3.9 peratus) dan Bloomberg (4.7 peratus). Prestasi yang amat memberangsangkan ini telah dipacu oleh peningkatan kukuh permintaan dalam negeri dan pertumbuhan dua digit sektor perdagangan luar.

Dalam tempoh S1 2017, permintaan dalam negeri mengukuh sebanyak 6.8 peratus, disokong oleh perbelanjaan penggunaan dan pelaburan yang lebih tinggi. Penggunaan swasta terutamanya berkembang sebanyak 6.6 peratus, didorong oleh pasaran guna tenaga dan upah yang stabil, bantuan berterusan Kerajaan kepada isi rumah yang berpendapatan rendah dan sederhana serta pembayaran dividen yang lebih tinggi oleh Unit Amanah utama. Di samping itu, pemulihan harga

komoditi pertanian, persekitaran inflasi yang sederhana serta keadaan pembiayaan yang menyokong aktiviti penggunaan turut menyumbang kepada peningkatan perbelanjaan dalam negeri. Penggunaan awam turut pulih kepada 3.2 peratus ekoran perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan yang lebih tinggi, terutamanya dalam sektor kesihatan dan pendidikan.

Dari sudut pelaburan, dalam tempoh S1 2017 pelaburan swasta mengukuh sebanyak 12.9 peratus (atau RM61 bilion dalam harga semasa), didorong oleh perbelanjaan modal dalam industri berorientasikan eksport terutamanya sub-sektor elektrik dan elektronik serta industri hiliran berkait minyak dan gas. Pelaburan awam turut mencatatkan peningkatan 3.2 peratus (RM24 bilion dalam harga semasa), disumbangkan oleh perbelanjaan modal yang lebih tinggi oleh perbadanan awam dalam segmen infrastruktur pengangkutan. Prestasi pelaburan yang menggalakkan ini mencerminkan keyakinan pelabur yang bertambah baik terhadap daya tahan ekonomi negara.

Daripada sudut penawaran pula, kesemua sektor utama ekonomi telah mencatatkan pertumbuhan positif pada S1 2017, diterajui terutamanya oleh sektor pertanian yang kembali pulih dan pertumbuhan yang lebih

tinggi dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan. Sektor pembinaan pula kekal berdaya tahan dan menerima manfaat daripada peningkatan kukuh aktiviti pelaburan. Manakala, sektor perlombongan mencatatkan pertumbuhan yang sederhana.

Dari segi perdagangan luar, lebih dagangan yang terus positif sebanyak 18.9 bilion pada S1 2017 telah diterajui oleh pertumbuhan eksport yang melonjak pada kadar 21.4 peratus. Pertumbuhan yang menggalakkan ini disumbangkan oleh peningkatan harga komoditi global, kadar ringgit yang kompetitif dan pengukuhan eksport ke rakan dagang utama seperti ASEAN, China, Kesatuan Eropah, Jepun dan Amerika Syarikat. Prestasi eksport ini dipacu eksport barangan, terutamanya eskport produk elektrik dan elektronik, produk petroleum, minyak mentah dan minyak sawit. Import kasar turut meningkat sebanyak 27.7 peratus, didorong terutamanya oleh peningkatan import barangan pengantara dan barangan modal. Kenaikan dalam import barangan pengantara ini bertujuan menyokong pengeluaran perkilangan yang lebih tinggi manakala, peningkatan import barangan modal adalah selaras dengan kepesatan pelaksanaan projek infrastruktur awam dan kerancangan aktiviti pelaburan. Oleh itu, peningkatan import ini akan mengukuhkan lagi kapasiti ekonomi dan menyokong pertumbuhan akan

datang. Berdasarkan landskap ekonomi pada S1 2017 dan indikator-indikator utama dalam S2 2017, pertumbuhan ekonomi Malaysia diunjur menjadi lebih kukuh bagi keseluruhan tahun 2017 berbanding prestasi pada tahun lepas.

Sekian, terima kasih.

7 Ogos 2017